



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS
2019
(COVID-19) DI MALAYSIA
16 MAC 2020**

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga 16 Mac 2020 pukul 12 tengah hari, terdapat **125 kes baharu** yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **553 kes**. Berdasarkan siasatan awal, daripada 125 kes baharu yang dilaporkan hari ini, sebanyak 95 kes positif COVID-19 adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling.

Sehingga kini, seramai 12 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan bantuan pernafasan.

FASA WABAK DI MALAYSIA

Di Malaysia, didapati terdapat pertambahan kes COVID-19 yang ketara sepanjang minggu lepas. Mengambil kira situasi terkini, KKM ingin memaklumkan bahawa KKM telah memasuki tahap pembendungan akhir iaitu *late containment*. Dalam tahap pembendungan akhir, ia bertujuan untuk membendung penularan jangkitan COVID-19 daripada menjadi lebih serius di Malaysia.

Dalam masa yang sama, KKM juga dalam persediaan untuk memasuki tahap mitigasi kelak. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

1. Menjadikan Hospital Sungai Buloh sebagai "*admitting hospital*" khusus untuk kes positif COVID-19;
2. Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti makmal untuk menjalankan pengesanan jangkitan COVID-19;
3. Mengenal pasti pusat-pusat kuarantin di seluruh negara; dan
4. Bekerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan fasiliti swasta dalam pengurusan kes COVID-19.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Rakyat Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu negara Malaysia membendung kejadian COVID-19 di Malaysia. Pihak KKM telah memberi pelbagai nasihat kesihatan kepada orang awam setiap hari. Justeru, pihak KKM memohon kerjasama daripada rakyat Malaysia dalam memerangi kejadian ini. Orang awam boleh menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan:

1. Mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa, seperti kerap **mencuci tangan** dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitiser*). Ini merupakan cara yang efektif dalam memutuskan transmisi jangkitan penyakit.
2. Mengamalkan **etika batuk** (*cough etiquette*) yang baik, iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta. Ini

dapat mengelakkan penularan jangkitan penyakit kepada orang lain.

3. **Menangguhkan penganjurkan perhimpunan** yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*).
4. **Tidak menghadiri perhimpunan** yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*).
5. **Mengamalkan jarak sosial** (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.
6. **Menangguhkan perjalanan** ke luar negara terutamanya ke wilayah-wilayah atau bandar-bandar yang diisytiharkan mengalami penularan wabak COVID-19 di Republik Rakyat China (seperti yang dimaklumkan sebelum ini) mahupun di Republik Korea, Jepun, Itali dan Iran. Ini bagi mengelakkan diri dari terdedah dengan jangkitan penyakit.

Rakyat Malaysia diminta tidak menularkan sebarang maklumat yang boleh menyebabkan kebimbangan kepada orang awam. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

16 Mac 2020 @ 5.00 petang